



BOLA TAMPAR PANTAI

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Peraturan ini dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB)

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan AM Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara Pasukan Universiti-universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

4. PENDAFTARAN PERMAINAN/ PEMBENTUKAN PASUKAN

- 4.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 4 orang pemain.
- 4.2 Setiap universiti dibenarkan mendaftar dua (2) pasukan lelaki dan dua (2) pasukan wanita
- 4.3 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 4.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Sila rujuk Peraturan AM MASUM, perkara (9.0)
- 5.2 Pusingan awal ditentukan dengan dua (2) set dari tiga (3) permainan
- 5.3 Setiap set dimainkan dengan kiraan mata 21. Set ketiga atau set penentuan dimainkan dengan kiraan mata 15.
- 5.4 Set pertama dan kedua, jika kedudukan terikat 20 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Duece).
- 5.5 Set ketiga, jika kedudukan terikat 14 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Duece).

6. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

6.1 Cara memberi mata :

Menang	- 2 mata
Kalah	- 1 mata
Kalahn tanpa bertanding	- 0 mata

6.2 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut :-

6.2.1 Nisbah Mata (M),

$$M = \frac{\text{Jumlah mata menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (semua perlawanan)}}$$

6.2.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

$$S = \frac{\text{Jumlah set menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (semua perlawanan)}}$$

6.2.3 Jika masih seri,

$$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah Set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

6.2.4 Jika masih seri,

$$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

6.2.4 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antar dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantar kedua-dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira menang.

6.2.5 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

7. PAKAIAN

7.1 Pakaian yang bersesuaian dengan permainan Bola Tampar Pantai

7.2 Pakaian seragam mengikut Peraturan FIVB

8. KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 21 – 0, 21 – 0.

9. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

- 9.1 Sekiranya pengadil berpendapat gelanggang tidak sesuai untuk dimainkan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, permainan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua –dua pasukan dan sekiranya melebihi 4 jam keputusan berikut akan diikuti :-
- 9.1.1 Sekiranya bermain semula digelanggang yang sama, set yang tergendala akan disambung semula dengan mata, pemain dan kedudukan pemain yang sama.
- 9.1.2 Set yang telah dimainkan dahulunya dikekalkan keputusannya.
- 9.1.3 Sekiranya perlawanan dimainkan di gelanggang yang lain, set yang sedang dimainkan dikira batal dan dimainkan semula dengan pemain-pemain yang sama.
- 9.1.4 Set yang telah dimainkan dahulu dikekalkan keputusannya.
- 9.2 Sekiranya berlaku gangguan perlawanan melebihi 4 jam, maka keseluruhan perlawanan akan dimainkan semula.

10. BANTAHAN/ RAYUAN

Mengikut Peraturan AM MASUM, perkara (13.0 dan 15.0)

11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan AM MASUM, perkara (21.0)